

Bab 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan metodologi dan tatacara kajian dijalankan. Perkara yang akan diterangkan ialah mengenai hipotesis kajian, reka bentuk kajian, kawasan dan populasi kajian, prosedur pemilihan sampel, alat kajian dan prosedur kajian yang mencakupi kajian rintis, pengumpulan dan pentadbiran data serta menganalisis data.

3.1 Hipotesis Kajian

H₀ 1: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu.

H_A 1: Wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu.

Analisis data bagi hipotesis ini menggunakan kaedah '*Crosstabulation – Chi Square Test*' untuk melihat perbezaan signifikan di antara kaum dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu. Bagi melihat penerimaan atau penolakan hipotesis, nilai Alpha yang digunakan ialah 0.05.

H₀ 2: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan sikap - cara mendapat maklumat muzik Melayu dan Nusantara.

H_A 2: Wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan sikap - cara mendapat maklumat muzik Melayu dan Nusantara.

Analisis data bagi hipotesis ini menggunakan kaedah '*Crosstabulation – Chi Square Test*' untuk melihat perbezaan di antara kaum dengan sikap - cara mereka mendapatkan maklumat berkenaan muzik Melayu dan lagu Nusantara melalui media elektronik dan media cetak. Bagi melihat penerimaan atau penolakan hipotesis, nilai Alpha yang digunakan ialah 0.05.

H₀ 3: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara jantina terhadap minat kepada penyanyi lagu Melayu dan Nusantara.

H_A 3: Wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara jantina terhadap minat kepada penyanyi lagu Melayu dan Nusantara.

Analisis data bagi hipotesis ini menggunakan kaedah '*T-Test*' untuk melihat perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum terhadap minat kepada lagu Melayu Nusantara. Bagi melihat penerimaan atau penolakan hipotesis, nilai Alpha yang digunakan ialah 0.05.

H₀ 4: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum terhadap minat kepada lagu Melayu Nusantara.

H_A 4: Wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum terhadap minat kepada lagu Melayu Nusantara.

Analisis data bagi hipotesis ini menggunakan kaedah '*ANOVA*' sehala untuk melihat perbezaan signifikan di antara kaum terhadap minat kepada lagu Melayu Nusantara. Bagi melihat penerimaan atau penolakan hipotesis, nilai Alpha yang digunakan ialah 0.05.

H₀ 5: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum dengan penerimaan dan pemahaman terhadap lirik lagu Melayu Nusantara.

H_A 5: Wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum dengan penerimaan dan pemahaman terhadap lirik lagu Melayu Nusantara.

Analisis data bagi hipotesis ini menggunakan kaedah '*Crosstabulation – Chi Square Test*' untuk melihat perbezaan signifikan di antara kaum dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu. Bagi melihat penerimaan atau penolakan hipotesis, nilai Alpha yang digunakan ialah 0.05.

3.2. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan data sekunder dan primer. Data sekunder yang digunakan seperti teori-teori asas gelagat pengguna yang telah dikaji secara empirik oleh pengkaji masa lalu. Data ini dimuatkan sepenuhnya di dalam analisis literatur dan akan diuji sama ada boleh digunapakai dalam analisis data primer.

Data primer diperolehi melalui kajian lapangan ke atas 320 sampel yang terdiri daripada 179 orang pelajar sekolah-sekolah menengah daerah Petaling dan Shah Alam, 59 orang pelajar Universiti Malaya dan 82 orang belia bekerja termasuk warga industri, jurujual, staf sektor swasta dan juga kerajaan sekitar Petaling Jaya dan Shah Alam.

Data diperolehi melalui borang soal selidik secara berstruktur. Pengkaji mentadbir sendiri soal selidik dengan responden mengisi borang soal selidik secara bersendirian setelah penerangan diberikan oleh pengkaji. Ini dilakukan kepada responden pelajar sekolah dan Universiti Malaya dengan

kehadiran pengkaji mentadbir dan mengawasi responden mengisi borang soal selidik dan mengutip kembali sebaik responden selesai mengisinya. Bagi belia bekerja, pengkaji memberikan borang soal selidik kepada penyelia atau pengurus berkenaan dan mengutip kembali setelah tempoh seminggu diberikan.

3.3. Kawasan dan Populasi Kajian

Sekolah-sekolah menengah daerah Petaling, Universiti Malaya, kilang-kilang, syarikat swasta dan pejabat kerajaan sekitar Petaling Jaya dan Shah Alam dipilih sebagai kawasan kajian. Ini kerana kawasan ini merupakan kawasan yang pesat membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Petaling Jaya merupakan bandar terbesar di negeri Selangor dan Shah Alam pula telah diisytiharkan sebagai Bandaraya pada 10 Oktober 2000. Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah tingkatan empat, lima dan enam rendah; pelajar-pelajar tahun satu, dua dan tiga universiti dan belia bekerja di sektor swasta dan kerajaan sekitar kawasan tersebut.

3.4. Persampelan

Pengkaji sebolehnya menggunakan '*Quota Sampling*' dengan menetapkan jumlah sampel mengikut kaum iaitu 50 % responden Melayu, 25% Cina, 20% India dan 5% lain-lain bangsa. Hasil daripada kajian didapati peratusan yang ditetapkan hampir dicapai sepenuhnya walaupun tidak setepat anggaran awal. Jumlah sampel mengikut kaum yang menjadi responden dan telah mengembalikan borang soal selidik ialah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1
Jumlah Sampel Mengikut Kaum

Kaum Sampel	Melayu N (%)	Cina N (%)	India N (%)	Lain-lain N (%)	Jumlah N (%)
Pelajar Sekolah	97 (30.3)	52 (16.3)	27 (8.4)	3 (0.9)	179 (55.94)
Pelajar Universiti	41 (12.8)	10 (3.1)	7 (2.2)	1 (0.3)	59 (18.43)
Belia Bekerja	61 (19.1)	7 (2.2)	14 (4.4)	-	82 (25.63)
Jumlah Besar	199 (62.19)	69 (21.56)	48 (15)	4 (1.25)	320 (100)

3.5. Alatan Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu; (1) Bahagian I - Minat terhadap muzik / lagu Melayu; (2) Bahagian II – Minat terhadap celebrite / penyampai lagu / penyanyi; (3) Bahagian III – Minat terhadap lagu Melayu Nusantara; (4) Bahagian IV – Sikap dan cara mendapat maklumat melalui media massa dan (5) Bahagian V – Maklumat Diri.

Soalan-soalan setiap bahagian dibentuk oleh pengkaji sendiri. Soal selidik menggunakan Bahasa Malaysia mudah memandangkan sebahagian besar sampel adalah berbangsa Melayu. Kebanyakan soalan Bahagian V adalah berstruktur atau tertutup untuk memudahkan pengiraan, analisis dan mengurangkan ralat. Soalan-soalan ini membolehkan jawapan yang

terhasil berbentuk seragam berasaskan dimensi spesifik dan berhubungan dengan pembolehubah yang diperlukan oleh pengkaji.

Soalan-soalan Bahagian I, II, III dan IV mempunyai penilaian skel 1 hingga 5 iaitu menggunakan Skel Likert bertujuan untuk melihat tindak balas penjawab (Murdick, 1970). Cara ini dirancang untuk menentukan kadar jawapan yang tinggi serta memastikan ketepatan data.

Kajian tingkah laku pengguna terhadap muzik dengan tumpuan kepada lagu Melayu Nusantara secara akademik belum pernah dibuat di Malaysia. Oleh itu kajian ini merupakan kajian perintis. Teknik soal selidik yang digunakan adalah sesuai untuk jenis kajian perintis kerana kos pengumpulan data adalah rendah (Clover & Balstey, 1979).

3.6. Prosedur Kajian

3.6.1 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan bagi menentukan supaya butiran dalam soal selidik adalah berhubungan dan mudah difahami. Di samping itu, ia juga dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, kefahaman terhadap soalan-soalan soal selidik, kejelasan soalan, ketepatan maksud dan kesesuaian peralatan kajian. Butiran dalam soal selidik sebenarnya telah diujikaji di peringkat kajian rintis dengan dua cara iaitu;

Pertama, pengkaji mendapat tunjuk ajar yang terperinci daripada penyelia. Soalan-soalan dalam borang soal selidik dibincang dan direkabentuk berulang kali supaya menepati kehendak objektif kajian. Setelah melalui empat draf, soal selidik dipersetujui sepenuhnya oleh penyelia dan boleh ditadbirkan.

Kedua, pengkaji menjalankan kajian rintis dengan menguji soal selidik kepada 25 orang pelajar tingkatan empat SMK. Bandar Sunway yang terdiri daripada 13 orang pelajar Melayu, 7 pelajar Cina dan 5 pelajar India. Hanya sejumlah kecil sampel diperlukan untuk kajian rintis iaitu di antara 15 hingga 25 sampel (Aaker & Day, 1980). Pelajar dikehendaki mengisi borang soal selidik dengan menjawab semua soalan dan mengikut arahan yang telah ditetapkan serta menandakan atau membulatkan nombor soalan yang kabur atau tidak difahami.

Hasil daripada kajian rintis, didapati ada sebahagian kecil soalan perlu diubahsuai bagi memudahkan pemahaman responden kelak. Didapati responden tidak begitu memahami maksud frasa lagu Melayu Nusantara.

Untuk itu, soalan nombor 21 (Bahagian III) diubahsuai dengan memberi maksud muzik Nusantara untuk melihat sejauhmana kefahaman responden terhadap frasa tersebut. Soalan nombor 80, 81, 82 pada bahagian V berkenaan pengkelasan pekerjaan ibu, bapa atau penjaga juga turut diubahsuai bagi mendapatkan jawapan yang tepat dan selari dengan soalan nombor 75, 76, 77 (pendapatan keluarga) dan soalan 83, 84 dan 85 (tahap pendidikan ibu bapa / penjaga). Secara tidak langsung kesilapan boleh dikesan apabila wujud ketidakselarasan jawapan dalam soalan-soalan berkenaan. Bagi soalan nombor 91, perkataan komputer digugurkan dan perkataan Internet dikekalkan kerana bertindih dengan soalan 90. Tiada perubahan dilakukan kepada bahagian-bahagian lain memandangkan responden dapat menjawab dengan mudah.

3.6.2 Pengumpulan dan Pentadbiran Data

Pengumpulan data yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah sekitar Petaling dan Shah Alam bermula sebaik mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bertarikh 25 April 2000 dan 1 Ogos 2000. Pengkaji memulakan proses pengumpulan data sebaik soalan soal selidik diubahsuai selepas kajian rintis di SMK. Bandar Sunway.

Dalam pengumpulan data peringkat sekolah, pengkaji bertemu secara terus dengan responden yang dikumpulkan dalam satu bilik darjah. Responden diterangkan mengenai tujuan kajian, maksud setiap bahagian dalam borang soal selidik, kepentingan ketepatan jawapan dan kerahsiaan kajian. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik tertutup dan berstruktur dengan tiga pendekatan iaitu;

1. Pengkaji menerangkan cara mengisi borang soal selidik dan responden mengisi borang bersendirian ketika itu juga dan pengkaji mengutip borang setelah selesai diisi. Ini dilakukan secara berkumpulan ataupun individu.
2. Pengkaji menerangkan cara mengisi soal selidik kepada pengurus atau penyelia. Soal selidik diserahkan kepada mereka untuk diagihkan kepada pekerja atau staf setelah dimaklumkan kaedah yang perlu dibuat. Responden mengisi borang soal selidik secara bersendirian dan menyerahkan kembali kepada pengurus / penyelia terlibat. Pengkaji akan mengutip kembali borang soal selidik pada waktu yang dijanjikan.

3. Pengkaji menerangkan cara-cara mengisi borang soal selidik kepada seorang warga industri ataupun jurujual yang akan mengisinya ketika itu juga dengan diawasi oleh pengkaji. Setelah borang dikutip, warga industri / jurujual akan dibekal antara 5 –10 soal selidik untuk dibawa pulang dan diberikan kepada rakan sebaya mereka sama ada di tempat kerja ataupun di rumah sewa masing-masing. Mereka diingatkan oleh pengkaji supaya menerangkan cara-cara mengisi borang mengikut arahan yang tertulis. Borang akan dikutip oleh pengkaji pada masa yang ditetapkan.

Tiga pendekatan pengumpulan data ini dilakukan terutama kepada responden di kalangan belia bekerja. Ini adalah untuk memastikan responden dapat mengisi borang soal selidik pada waktu lapang mereka tanpa mengganggu tugas responden di tempat kerja. Responden juga diingatkan agar menyemak borang terlebih dahulu sebelum dipulangkan kepada penyelia / pengurus atau rakan sebaya mereka bagi mengelakkan soalan yang tertinggal dan tidak dijawab.

Bagi responden di kalangan pelajar sekolah pengkaji tidak mengalami masalah. Ini berlainan dengan responden di kalangan pelajar-pelajar Universiti Malaya yang tidak memberi kerjasama sepenuhnya. Walaupun borang soal selidik diisi namun sikap sambil lewa mereka ketara sekali apabila menandakan skel 3 atau berkecuali bermula dari nombor 1 hingga 46 ataupun terlalu ekstrem iaitu sama ada semuanya sangat setuju (5) ataupun amat tidak setuju (1). Hal ini menyebabkan sebanyak 20 borang soal selidik di kalangan pelajar UM terpaksa diketepikan dan pengkaji mengulang cetak borang dan diberikan kepada responden yang lain. Kebanyakan responden yang terlibat adalah pelajar tahun 2 yang terdiri daripada pelajar perempuan (Melayu). Ekoran daripada itu, pengumpulan

data daripada pelajar UM terganggu dan pengkaji terpaksa beralih kepada responden di kalangan pelajar sekolah.

Begitu juga dengan belia bekerja. Ada sekurang-kurangnya 3 - 4 borang soal selidik tidak dapat dikutip pada setiap tempat pada masa yang dijanjikan khususnya yang diedarkan melalui pengurus / penyelia atau rakan sebaya kerana responden terlupa atau menghilangkan borang tersebut. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji menggunakan borang lebihan untuk diedarkan kepada responden lain iaitu pelajar sekolah yang boleh dikutip sebaik responden selesai mengisi borang soal selidik. Ekoran daripada masalah-masalah ini, pengkaji mengalami kelewatan dalam pengumpulan data sehingga ke saat akhir iaitu pertengahan Oktober (22 Oktober 2000) sedangkan draf pertama perlu dihantar kepada pensyarah pada 27 Oktober 2000.

3.7. Menganalisis Data dan Menguji Hipotesis

Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package For Social Science (SPSS) For MS Window Release 8.0* dengan cara deskriptif dan infrensi. Kaedah ini digunakan kerana ia dapat menjawab keseluruhan kenyataan masalah dan objektif kajian. Kaedah statistik yang digunakan menganalisis data adalah seperti berikut :-

3.7.1 Min dan frekuensi digunakan untuk mengukur dan menerangkan ciri-ciri demografi responden, peratusan minat terhadap lagu-lagu Melayu, lagu-lagu Melayu Nusantara dan cara mendapat maklumat melalui media massa.

- 3.7.2 Menguji hipotesis melalui analisis '*Crosstabulation – Chi Square*', '*T-Test*' dan '*ANOVA*' bagi melihat perbezaan di antara kaum dengan minat kepada muzik dan lagu Melayu, lagu Melayu Nusantara, sikap dan cara mendapat maklumat muzik, pemahaman lirik lagu Nusantara dan perbezaan di antara jantina dengan minat kepada penyanyi.
- 3.7.3 Analisis kolerasi digunakan untuk menerangkan hubungan dan kekuatan hubungan antara jantina dengan minat terhadap lagu Melayu Nusantara; jantina dengan minat kepada penyanyi; hubungan antara kaum dengan minat kepada lagu Melayu Nusantara dan hubungan antara alat-alat komunikasi yang ada di rumah dengan minat terhadap lagu Melayu Nusantara.
- 3.7.4 Model Regresi Pembolehubah dan Model Regresi '*Stepwise*' digunakan bagi menyelesaikan masalah regresi linear. Tujuan analisis data menggunakan model regresi adalah untuk mengukur kekuatan perhubungan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bergantung. Pembolehubah bebas yang diukur ialah minat kepada lagu Nusantara dan pembolehubah bergantung terdiri daripada bangsa, jantina, umur, status perkahwinan, pendapatan dan sijil / kelayakan responden / pengguna.